



**SIARAN MEDIA  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**PERINGKAT KEDUA BANCII PENDUDUK DAN PERUMAHAN (BPP) 2021:  
PENGENDALIAN E-CENSUS MULA DILAKSANAKAN**

---

Tarikh: 20 April 2021

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi ingin memaklumkan orang ramai bahawa Peringkat Kedua Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021, iaitu Pengendalian e-Census kini sudah bermula dari 20 April 2021 hingga 21 Jun 2021. Peringkat Pertama BPP 2021: Penyenaraian Tempat Kediaman telah pun selesai dijalankan mulai 20 Januari hingga 21 Februari 2021 yang lalu.
2. Sepanjang tempoh Peringkat Kedua BPP 2021 ini, Sistem e-Census akan dapat diakses melalui portal BPP 2021 di [www.brucensus.gov.bn](http://www.brucensus.gov.bn) bagi membolehkan orang ramai untuk mengisikan maklumat masing-masing secara dalam talian pada bila-bila masa dan di mana sahaja. BPP 2021 meliputi semua orang, sama ada rakyat Negara Brunei Darussalam, penduduk tetap atau penduduk sementara yang telah atau akan tinggal sebagai ahli biasa isirumah bagi tempoh 6 bulan atau lebih dalam tahun 2021.
3. Sistem e-Census tersebut mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan ciri-ciri perumahan dan ciri-ciri demografi bagi setiap ahli keluarga/isirumah termasuk soalan mengenai pendidikan, pekerjaan, kesihatan dan juga aktiviti riadah. Soalan-soalan yang dimuatkan adalah berpandukan kepada input dari Kementerian-Kementerian dan agensi-agensi yang berkepentingan, di samping berasaskan garispendu terkini antarabangsa bagi maksud perbandingan data banci antara negara-negara. Hasil dari banci ini akan memberikan tanda aras baru bagi kegunaan penilaian, perancangan dan pembentukan dasar oleh pihak Kerajaan, dan pelbagai tujuan penganalisan dan penyelidikan oleh pengguna-pengguna lain.

4. Ketua keluarga/isirumah yang telah memilih untuk menggunakan kaedah e-Census akan menerima pesanan ringkas (SMS) melalui nombor telefon bimbit dan e-mel masing-masing. Ketua keluarga/isirumah hendaklah membuat pendaftaran terlebih dahulu ke dalam Sistem e-Census dengan menggunakan Kod Akses yang telah diberikan semasa Peringkat Pertama BPP 2021 dan nombor kad pengenalan masing-masing. Pengesahan alamat e-mel dan nombor telefon bimbit juga akan dibuat sebelum kod laluan atau *One Time Password* (OTP) dikirim melalui SMS. Setelah selesai proses pendaftaran, pengisian maklumat BPP 2021 secara dalam talian bolehlah dimulakan. Panduan bagi menggunakan Sistem e-Census beserta Soalan-Soalan Lazim ada disediakan di portal BPP 2021 untuk rujukan orang ramai.
5. BPP 2021 dilaksanakan di bawah Akta Banci, Penggal 78 dari Undang-undang Negara Brunei Darussalam. Akta Banci mewajibkan orang ramai untuk menjawab semua soalan banci dan menjamin bahawa maklumat individu adalah disimpan sulit dan dirahsiakan.
6. Bagi sebarang pertanyaan mengenai BPP 2021, khususnya Sistem e-Census, orang ramai adalah dialu-alukan untuk menghubungi JPES seperti berikut:

Hotline	:	8382021 / 8382022 (Brunei Muara) 8382023 (Belait) 8382024 (Tutong) 8382025 (Temburong)
Talian Darussalam	:	123
Telefon	:	2230265 or 2230250 (waktu pejabat)
E-mel	:	support.brucensus@jpes.gov.bn
Portal Banci	:	www.brucensus.gov.bn
Laman Sesawang	:	<a href="http://www.deps.gov.bn">www.deps.gov.bn</a>
Instagram	:	statistics.jpes

Meja bantuan (*Help desk*) juga disediakan di ibu pejabat JPES di Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan BA1311.

7. JPES sukacita memohon bantuan dan kerjasama orang ramai bagi menjayakan BPP 2021. "Pastikan awda dihitung untuk masa depan kitani".



**MEDIA RELEASE  
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT  
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**SECOND STAGE OF POPULATION AND HOUSING CENSUS (BPP) 2021:  
E-CENSUS IMPLEMENTATION BEGINS**

---

Date: 20 April 2021

1. *The Department of Economic Planning and Statistics (JPES), Ministry of Finance and Economy would like to inform the public that the Second Stage of the Population and Housing Census (BPP) 2021: e-Census Implementation is currently being conducted from 20 April 2021 until 21 Jun 2021. The First Stage of BPP 2021: Houselisting has been completed from 20 January to 21 February 2021.*
2. *During the Second Stage period, the e-Census system can be accessed through the BPP 2021 portal at [www.brucensus.gov.bn](http://www.brucensus.gov.bn) to enable the public to fill in their respective information online anytime and anywhere. BPP 2021 covers all persons, whether citizens of Brunei Darussalam, permanent residents or temporary residents who have stayed or will stay as usual members of a household for a period of 6 months or more in 2021.*
3. *The e-Census system contains questions related to housing characteristics and demographic characteristics of each household member, including questions on education, employment, health and leisure activities. The questions included in the census are based on the inputs from ministries and relevant stakeholders, as well as on the latest international guidelines for the purpose of country comparisons of census data. The census results will provide new benchmarks for the use of evaluation, planning and policy formulation by the Government, and various analysis and research purposes by other users.*

4. *Heads of households who have chosen to use the e-Census approach will receive a short message service (SMS) through their mobile phone numbers and emails. The head of household is required to register first to the e-Census System using the Access Code that was provided during BPP 2021 First Stage and identity card number. Verification of the e-mail address and mobile phone number will also be done before a OneTime Password (OTP) is sent via SMS. After completing the registration process, households can proceed to answer the census questions online. A Manual on how to use the e-Census System and Frequently Asked Questions (FAQs) are available at the BPP 2021 portal for easy reference.*
5. *BPP 2021 is conducted under the Census Act, Chapter 78 from the Laws of Brunei Darussalam. The Census Act makes it obligatory for the public to answer all the census questions and guarantees the confidentiality of information furnished.*
6. *For any enquiries on BPP 2021, particularly the e-Census System, the public is welcomed to contact JPES as follows:*

<i>Hotline</i>	<i>:</i>	<i>8382021 / 8382022 (Brunei Muara)</i> <i>8382023 (Belait)</i> <i>8382024 (Tutong)</i> <i>8382025 (Temburong)</i>
<i>Talian Darussalam</i>	<i>:</i>	<i>123</i>
<i>Telephone</i>	<i>:</i>	<i>2230265 or 2230250 (office hours)</i>
<i>Email</i>	<i>:</i>	<i>support.brucensus@jpes.gov.bn</i>
<i>Census Portal</i>	<i>:</i>	<i>www.brucensus.gov.bn</i>
<i>Website</i>	<i>:</i>	<i><a href="http://www.deps.gov.bn">www.deps.gov.bn</a></i>
<i>Instagram</i>	<i>:</i>	<i>statistics.jpes</i>

*A help desk is also provided at JPES Head Office at Block 2A, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan BA1311.*

7. *JPES would like to seek the full support and cooperation from the public for the success of BPP 2021. "Be Counted, For Our Future".*